

**PEMBERITAHUNAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [Kuantan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimanakah cara yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk membanteras aktiviti gores dan menang yang berluasa kini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk membanteras aktiviti 'gores dan menang' adalah seperti berikut:-

- (i) Membatalkan lesen syarikat jualan langsung yang menjalankan aktiviti "Gores dan Menang" di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (AJLSAP 1993). Dari tahun 2006 sehingga 2014, sebanyak 65 syarikat jualan langsung telah dibatalkan lesen kerana terbabit dengan aktiviti berkenaan.
- (ii) Mengambil tindakan undang-undang dan pendakwaan di Mahkamah ke atas syarikat dan individu yang menjalankan aktiviti penipuan "Gores dan Menang" di bawah AJLSAP 1993. Dari tahun 2013 sehingga 2014 sebanyak 97 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM 937,821.00.
- (iii) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Bersama Bagi Menangani Jenayah Kolar Putih yang dianggotai oleh agensi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bahagian Penguatkuasa KPDNKK, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Jawatankuasa ini bertujuan memudahkan jalinan kerjasama

antara agensi penguatkuasaan dalam aspek pemantauan, risikan, serbuan, siasatan dan pendakwaan disamping memberi kesedaran awam di dalam usaha menangani jenayah kolar putih termasuklah penipuan “Gores dan Menang”.

- (iv) Telah melancarkan ‘Ops Gores 2014’ yang bermula pada 20 Mac 2014 hingga 19 September 2014 bertujuan untuk membanteras aktiviti penipuan “Gores dan Menang” dengan lebih berkesan. Pelan tindakan membanteras aktiviti penipuan “Gores dan Menang” yang dilancarkan telah menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi membanteras aktiviti penipuan “Gores dan Menang” di seluruh negara. Sepanjang OPS tersebut, sebanyak 49 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dengan nilai rampasan berjumlah RM 507,857.00. Ops ini akan berterusan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.
- (v) Sedang mengkaji untuk menggunakan arahan Pengawal di bawah seksyen 141, Akta Perlindungan Pengguna 1999 bagi membuat perintah kepada mana-mana individu atau wakil syarikat yang bercadang atau membuat aktiviti ‘gores dan menang’ atau seumpamanya menghentikan pelanggaran tersebut.
- (vi) Pemantauan secara berterusan terhadap skim-skim pelaburan yang ditawarkan kepada orang ramai yang dibuat melalui media massa, internet, iklan, risalah dan sebagainya.

- (vii) Menjalankan program-program kesedaran pengguna berkaitan aktiviti penipuan "Gores dan Menang" seperti:-
- a) ceramah-ceramah kepenggunaan kepada orang ramai di peringkat bandar dan luar bandar.
 - b) menyalurkan maklumat kesedaran melalui media cetak, elektronik dan iklan-iklan di papan tanda di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai.
 - c) program bual bicara di radio, televisyen dan menerbitkan drama televisyen untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai penipuan "gores dan menang". Di antara program tersebut adalah seperti 'suara kita hak kita' yang ditayangkan secara langsung melalui TV1 pada setiap hari Isnin jam 9 malam, dan penerbitan drama bertajuk 'Langsai dan Buka Mata'.